



MAJLIS BANDARAYA IPOH

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 06/2015**

Rujukan : Bil ( 53 ) dlm.MBI.B1/12/1/12

Jabatan Kewangan  
Majlis Bandaraya Ipoh

/6 Februari 2015

Setiausaha Bandaraya /  
Timbalan Setiausaha Bandaraya /  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit  
Majlis Bandaraya Ipoh

**PENGGUNAAN SISTEM STATUS PEROLEHAN**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak Y. Bhg. Dato' / tuan / puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Kewangan telah menambahbaik Sistem Perakaunan Bersepadu Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) dengan membangunkan sub-moadul **status perolehan**. Melalui sub-modul status perolehan ini, pegawai/anggota yang menguruskan dan memantau setiap perolehan secara sebut harga atau tender boleh menyemak status semasa perolehan tersebut dengan mudah.

3. Untuk makluman, sub-modul status perolehan ini hanya akan memaparkan data/rekod perolehan secara sebut harga atau tender yang dibuat pada tahun 2015 dan tahun-tahun seterusnya sahaja. Terdapat 8 status di dalam sub-modul tersebut dan status-status tersebut adalah seperti berikut :-

- 1) Permohonan perolehan
- 2) Kelulusan diperingkat Ketua Jabatan/Pejabat (Lulus atau Batal)
- 3) Penyediaan Borang memanggil sebut harga atau tender
- 4) Penyediaan iklan
- 5) Penjualan
- 6) Penjadualan
- 7) Keputusan Jawatankuasa
- 8) Penyediaan surat setuju terima dan dokumen kontrak

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 06/2015**

4. Selain daripada 8 status tersebut masih terdapat beberapa status yang akan dimasukkan ke dalam sub-modul tersebut seperti status pembayaran, pelepasan bon dan lain-lain. Pihak Jabatan Kewangan akan sentiasa menambahbaik sistem ini dari masa ke semasa.

5. Oleh yang demikian, setiap pegawai/anggota yang terlibat dengan perolehan secara sebut harga atau tender perlu mendapatkan kebenaran dari Bahagian Teknologi Maklumat untuk tujuan mengekses sub-modul ini. Selain itu, perlu dipastikan juga desktop atau laptop pegawai/anggota yang ingin menyemak status perolehan ini mempunyai Sistem SPBT 6i. Dengan adanya sistem sebegini, diharap semua jabatan yang terlibat dengan perolehan dapat merancang dan memantau setiap perolehan dengan mudah. Arahan kewangan ini berkuatkuasa dengan serta merta selepas ditandatangani oleh Yg. Bhg. Datuk Bandar Ipoh.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

**"KEBERHASILAN INOVASI PERKHIDMATAN BERKUALITI"**

Saya yang menurut perintah,

  
(DATO' HARUN BIN RAMLI, DPMP., PMP., AMP.)  
Datuk Bandar Ipoh.